

## Proses Semantik Kata Kerja Bahasa Indonesia dan Bahasa Jerman

HASMAWATI, TEO KOK SEONG & CHONG SHIN

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan menyelidiki proses semantik kata kerja dalam bahasa Indonesia dan bahasa Jerman. Dengan menggunakan kajian pustaka dan pendekatan analisis kontrastif, persamaan-persamaan dan perbezaan-perbezaan antara kedua-dua bahasa dapat ditunjukkan sehingga dapat membantu pelajar Indonesia dalam mempelajari bahasa Jerman atau sebaliknya. Hasil analisis data menunjukkan bahawa proses semantik kata kerja bahasa Indonesia dan bahasa Jerman memiliki makna: (1) perbuatan/aksi (Tätigkeitsverben), (2) proses (Vorgangsverben), (3) keadaan (Zustandveben), dan (4) pengalaman (Erfahrungsverben). Dari hasil dapatan tersebut, tampak beberapa persamaan antara kedua-dua bahasa, tetapi dalam proses pembinaan ayat, bahasa Jerman memiliki pola yang jauh lebih rumit kerana terdapatnya banyak aspek yang mesti diperhatikan, seperti bentuk kata kerja (trennbar, untrennbar, trennbar-untrennbar), konjugasi kata kerja, sama ada kata kerja beraturan (regelmäßige Verben) mahupun tidak beraturan (unregelmäßige Verben), konjugasi kata kerja berdasarkan kala, dan penggunaan kata kerja sesuai "kes" (nominatif, akusatif, datif, dan genitif). Bentuk-bentuk sedemikian ini tidak terdapat dalam bahasa Indonesia.*

*Kata kunci: proses semantik, kata kerja, perbuatan/aksi, proses, keadaan, pengalaman*

### ABSTRACT

*The aim of the study is to address the semantics process in Indonesian and German. By using a literature review and contrastive analysis approach, the similarities and the distinction between the two languages can be shown, so as to facilitate typical Indonesian students to learn the German language or vice versa. The results of the study showed that the semantics process in Indonesian and German verbs denote: (1) The act or action (Tätigkeitsverben), (2) process (Vorgangsverben), (3) state (Zustandveben), and (4) experience (Erfahrungsverben). The findings confirm that Indonesian and German share some similarities, but especially about sentence construction processes, German appears to be more complicated with the emergence of more aspects that account for sentence construction, such as formation of verbs (trennbar, untrennbar, trennbar-untrennbar) and verb conjugation both regular verbs (regelmäßige Verben) and irregular Verbs (unregelmäßige Verben). German also concerns with appropriate verb tense conjugation and verb usage base on its cases (nominative, accusative, dative, and genitive). Such forms discussed are not available in Indonesian.*

*Key words: semantic process, verb, action, process, state, experience*

### PENGENALAN

Kata kerja memegang peranan paling penting dalam ayat kerana kata kerjalah yang menentukan kehadiran unsur lain yang mesti, boleh, atau ditegah kehadirannya dalam ayat. Crystal (2008:510) menegaskan bahawa dalam teori gramatikal, kata kerja merupakan elemen paling penting dalam pembinaan ayat. Jenis kata ini biasanya menjadi predikat dalam suatu frasa atau ayat. Dalam Gross (1998), diungkapkan pula bahawa kata kerja merupakan pusat ayat dan memerlukan pelengkap supaya dapat membentuk satu ayat. Berkenaan hal tersebut, Crystal (2008:510) mendefinisikan kata kerja sebagai satu istilah yang digunakan dalam bidang tatabahasa yang merujuk pada salah satu

jenis kelas kata yang dapat diertikan sebagai kata yang menyatakan perbuatan atau aksi.

Definisi di atas, menunjukkan bahawa pada umumnya kata kerja memiliki ciri-ciri: 1) berfungsi sebagai predikat atau inti predikat ayat, 2) Secara inheren, kata kerja mengandungi makna perbuatan, proses, atau keadaan yang bukan sifat atau bukan kualiti, 3) Kata kerja yang bermakna keadaan tidak dapat wujud bersama prefiks, seperti **ter-** (untuk menyatakan makna paling). Tidak ada kata *terhidup* atau *termati*, 4) Tidak dapat bergabung dengan kata penunjuk, seperti *sangat membaca*, *agak berlari*, dan sebagainya.

Dalam tatabahasa, predikat adalah bahagian ayat yang menandai apa yang dikatakan oleh pembicara tentang subjek. Pada beberapa bahasa,

misalnya bahasa-bahasa dalam rumpun bahasa Indo Eropah, predikat mesti mengandung unsur kata kerja. Predikat dapat diikuti oleh objek dan adverba. Dalam bahasa Jerman, fungsi predikat dalam ayat hanya dapat diisi oleh kata kerja.

Dalam belajar bahasa asing, yang pertama-tama diperlukan oleh seseorang adalah mengetahui erti atau makna atau terjemahan perkataan. Kedua, sesegera mungkin belajar untuk mengucapkan dan menggunakan perkataan tersebut. Dalam bidang semantik selalu dibahaskan bahawa jika seseorang belajar suatu perkataan dari suatu bahasa, maka orang tersebut tidak hanya akan belajar tentang maknanya dengan lebih cepat dan lebih baik, tetapi ianya juga akan memikirkan pelbagai hal mengenai bahasa tersebut dan pada akhirnya ianya akan mengecek maknanya dengan penutur asli agar lebih meyakinkan (Hoffman 1993).

Dalam artikel ini, dibahaskan lebih terperinci mengenai proses semantik kata kerja dalam bahasa Indonesia dan bahasa Jerman yang dibingkai dalam bentuk analisis kontrasif untuk memperlihatkan persamaan-persamaan dan perbezaan-perbezaan antara kedua-dua bahasa.

## SEMANTIK

Semantik merupakan salah satu cabang ilmu linguistik yang mengkaji tentang makna. Bidang ilmu ini mengasumsikan bahawa bahasa terdiri daripada stuktur yang menampakkan makna jika dihubungkan dengan objek dalam pengalaman dunia manusia (Kambartel dalam Pateda 2001). Leech (2003) pun berpandangan bahawa teori semantik pada kenyataannya merupakan sub teori daripada linguistik dan faktor paling penting dalam kajian mengenai makna adalah adanya keupayaan menghubungkan perkataan atau ungkapan dengan tataran yang lain, khasnya pada tataran sintaksis. Oleh itu, proses semantik dalam kata kerja, baru dapat dijelaskan jika diamati penggunaannya dalam tataran sintaksis, sebagai mana tampak dalam kajian analisis artikel ini.

Proses semantik yang dimaksudkan dalam kajian ini iaitu watak-watak semantik yang dimiliki oleh kata kerja sebab setiap kata kerja mengandung makna inheren dan analisisnya lebih bersifat morfosemantik. Morfosemantik merupakan bahagian daripada semantik leksikal yang membahas mengenai makna-makna morfem.

Helbig dan Buscha (dalam Hidayat 2008; Eppert 1993:17) menyatakan bahawa dalam bahasa Jerman,

aspek semantik kata kerja digolongkan dalam *Tätigkeitsverben* (kata kerja yang menyatakan aksi), *Vorgangsverben* (kata kerja yang menyatakan proses), dan *Zustandsverben* (kata kerja yang menyatakan keadaan). Pörings dan Schmitz (2003) memasukkan pula kata kerja pengalaman (*Erfahrungsverben*) sebagai salah satu konsep semantik bahasa sejagat. Kata kerja aksi, iaitu kata kerja yang subjek atau pelakunya (agen) melakukan perbuatan secara aktif, misalnya kata *arbeiten* 'bekerja', *lesen* 'membaca', *zerbrechen* 'memecahkan' dan sebagainya. Kata kerja proses, ialah kata kerja yang menunjukkan suatu perubahan, yakni proses yang dialami oleh subjek dan dapat mengubah keadaan atau sifat subjek tersebut, misalnya kata *verblühen* 'menjadi layu', *erfrieren* 'membeku', *fallen* 'jatuh', *wachsen* 'tumbuh' dan sebagainya. Sedangkan kata kerja keadaan iaitu kata kerja yang menyatakan keadaan, eksistensi atau sesuatu yang tetap adanya dan subjeknya tidak berubah, contoh kata *liegen* 'terletak', *stehen* 'berdiri', *wohnen* 'tinggal', *leben* 'hidup'. Adapun kata kerja pengalaman, iaitu kata kerja yang dialami oleh pelaku. Seperti *wissen* 'mengetahui', *sehen* 'melihat', *hören* 'mendengar', *fühlen* 'berasa', dan lain-lain.

Dalam bahasa Jerman, erti suatu situasi yang meliputi peristiwa, proses, dan tindakan dapat diungkapkan melalui *aktionsart* kata kerjanya. *Aktionsart* merupakan suatu istilah linguistik bahasa Jerman yang mengacu pada makna aspektual inheren kata kerja yang dalam bahasa Inggeris dipanggil *actionality* atau Murphy dan Koskela (2010:11) menyebutnya sebagai *lexical aspect* atau *lexical aspect categories*. Dalam kamus tatabahasa Jerman (Duden 1984:93) dituliskan: "*Mit aktionsart bezaichnet man die Art und Weise, wie das durch ein verb bezeichnete Geschehen abläuft (Geschehensweise, Verlaufsweise, Handlungsweise)*". Maksudnya bahawa melalui *aktionsart*, cara suatu peristiwa, keberlangsungan, dan prosesnya dapat diungkapkan melalui kata kerjanya. Demikian halnya Helbig dan Buscha (2001:62) mengungkapkan: "*Aktionsart sind die Verlaufsweise und Abstufung des Geschehens, das vom Verb bezeichnet wird*". *Aktionsart* mengungkapkan bagaimana jalannya dan nuansa suatu kejadian.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian deskriptif iaitu menghuraikan proses semantik kata kerja bahasa

Indonesia dan bahasa Jerman. Penjaringan data diperoleh melalui kajian pustaka dan menganalisis persamaan-persamaan dan perbezaan-perbezaan tentang proses semantik kata kerja dalam bahasa Indonesia dan bahasa Jerman. Sumber data utama adalah Kamus Jerman Indonesia oleh Heuken (2007), *Langenscheidts Großwörterbuch* oleh Götz et al. (1997), dan Kamus Besar Bahasa Indonesia oleh Departemen Pendidikan Nasional Republik Indonesia (2008).

### ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

Secara semantik, bahasa Indonesia dan bahasa Jerman pada hakikatnya memiliki proses semantik kata kerja yang sama, yakni meliputi tiga makna utama, iaitu kata kerja perbuatan (aksi), kata kerja proses, kata kerja keadaan, dan kata kerja pengalaman yang dalam bahasa Jerman dipanggil *Tätigkeitsverben*, *Vorgangsverben*, *Zustandsverben*, dan *Erfahrungsverben*.

### Kata Kerja Perbuatan

Kata kerja perbuatan merupakan kata kerja yang merujuk pada makna perbuatan atau aksi yang dilakukan oleh subjek. Beberapa jenis kata kerja perbuatan dihuraikan seperti berikut:

#### i. Kata Kerja Aktif

Kata kerja aktif, iaitu kata kerja yang mengandungi perbuatan atau aksi yang sengaja dilakukan. Kata kerja dalam bahasa Indonesia biasanya ditandai dengan prefiks meN- dan ber-, contoh:

Bahasa Indonesia	Bahasa Jerman
(1) Amrul <b>menulis</b> sepucuk surat. Amrul menulis K.BIL surat. 'Amrul menulis sepucuk surat'.	Amrul <b>schreibt</b> einen Brief. Amrul menulis-KL.KN ART.TD.TT.AK surat. 'Amrul menulis sepucuk surat'.
(2) Anak itu sangat <b>mencintai</b> kakek. mencintai datuk. 'Budak itu sangat mencintai datuk'.	Der Kleine <b>liebt</b> den Großvater sehr. ART.TT.NOM kecil mencintai-KL.KN den Großvater sehr. ART.TT.AK datuk sangat 'Budak itu sangat mencintai datuk'.

Berdasarkan contoh di atas, tampak bahawa makna kata kerja aktif dalam bahasa Indonesia dan bahasa Jerman sama sahaja. Namun, yang membezakan ialah sistem pembinaan ayat bahasa Jerman yang mesti selalu diperhatikan konjugasi kata kerjanya, jenis kata kerja dan kala yang digunakan.

#### ii. Kata Kerja Pasif

Kata kerja pasif, iaitu jenis kata kerja perbuatan yang merujuk ke perbuatan yang mengenai diri subjek. Objek dalam kata kerja aktif biasanya menjadi subjek dalam kata kerja pasif. Bahasa Indonesia dan bahasa Jerman memiliki jenis kata kerja ini. Contoh:

Bahasa Indonesia	Bahasa Jerman
(3) Sepucuk surat <b>ditulis</b> oleh Amrul. Oleh Amrul 'Sepucuk surat ditulis oleh Amrul'.	Einen Brief <b>wird</b> von ART.TD.TT.AK surat K.Bt.PAS <b>geschrieben</b> . Amrul menulis-KL.KN 'Sepucuk surat ditulis oleh Amrul'.
(4) Kakek sangat <b>dicintai</b> Datuk sangat oleh anak itu. oleh budak 'Datuk sangat dicintai Oleh budak itu'.	Der Großvater <b>wird</b> von der Kleine sehr <b>geliebt</b> . ART.TT.NOM datuk K.Bt.PAS von der Kleine sehr daripada ART.TT.DAT budak sangat mencintai-PERF 'Datuk sangat dicintai oleh budak itu'.

Contoh-contoh ayat pasif di atas menunjukkan bahawa makna ayat dalam kedua-dua bahasa tiada perbezaan. Namun, sistem pembinaan ayat pasif dalam bahasa Jerman tampak lebih rumit daripada pembinaan ayat aktif. Hal ini disebabkan oleh banyaknya hal yang mesti diperhatikan dalam pembinaan ayat bahasa Jerman. Di bawah ini dapat dilihat contoh ayat pasif dalam setiap kala yang berlaku dalam bahasa Jerman:

#### Präsens (kala kini):

(5) Das Haus <b>wird</b> von meinem Vater <b>gebaut</b> . ART.TT.NOM rumah K.Bt.PAS dari pada KGM1.DAT ayah membangun-PERF 'Rumah itu dibangun oleh ayah saya'
---

#### Präteritum (kala lepas):

(6) Das Haus <b>wurde</b> von meinem Vater <b>gebaut</b> . ART.TT.NOM rumah K.Bt.PAS dari pada KGM1.DAT ayah membangun-PERF 'Rumah itu telah dibangun oleh ayah saya'.
---

#### Perfekt (perfek):

(7) Das Haus <b>ist</b> von meinem Vater <b>gebaut worden</b> . ART.TT.NOM rumah K.Bt.PAS dari pada KGM1.DAT ayah membangun-PERF P.PAS.PERF 'Rumah itu telah dibangun oleh ayah saya'.
---

#### Plusquamperfekt (kala lepas perfek):

(8) Das Haus <b>war</b> von meinem Vater <b>gebaut worden</b> . ART.TT.NOM rumah K.Bt.PAS dari pada KGM1.DAT ayah Gebaut membangun-PERF P.PAS.PERF 'Rumah itu telah dibangun oleh ayah saya'.
--

#### Futur I (kala hadapan):

(9) Das Haus <b>wird</b> von meinem Vater <b>gebaut werden</b> . ART.TT.NOM rumah K.Bt.PAS dari pada KGM1.DAT ayah membangun-PERF P.PAS.KL.HD 'Rumah itu akan dibangun oleh ayah saya'.
--

## Futur II (kala depan):

- (10) Das Haus wird von meinem Vater  
 ART.TT.NOM rumah Kbt.PAS daripada KGM1.DAT ayah  
**gebaut** **worden sein.**  
 membangun-PERF P.PAS. Kbt.  
 'Rumah itu akan dibangun oleh ayah saya'.

## Ayat Pasif dengan Kata Kerja Modal:

## können 'dapat'

- (11) Nach geltendem Recht **kanst** du dafür  
 ART.TT.NOM setelah berlaku syak peraturan dapat KGN2.NOM tentang itu  
 nicht **bestraft werden.**  
 tidak menghukum-PERF P.PAS.INF  
 'Setelah peraturan itu berlaku syak, kamu tidak dapat dihukum tentang hal itu'.

## sollen 'seharusnya'

- (12) Das Baby **soll** erst noch  
 ART.TT.NOM bayi seharusnya baru masih  
**gebadet werden.**  
 mandi-PERF P.PAS.INF  
 'Bayi itu seharusnya masih dimandikan'

Berdasarkan contoh-contoh ayat di atas, disimpulkan bahawa pola umum pembinaan ayat pasif bahasa Jerman adalah:

Präsens	: S + werden + (von) + Komp. + KK.III
Präteritum	: S + wurden + (von) + Komp. + KK.III
Perfekt	: S + sein + (von) + Komp. + KK.III + worden
Plusquamperfekt	: S + waren + (von) + Komp. + KK.III + worden
Futur I	: S + werden + (von) + Komp. + KK.III + werden
Futur II	: S + werden + (von) + Komp. + KK.III + worden + Sein
Passive Modal	: S + modal + (von) + Komp. + KK.III + werden

Keterangan:

- S: subjek  
 Komp.: komplemen  
 KK.III: kata kerja bentuk ketiga (*partizip II*)

Contoh-contoh ayat pasif bahasa Jerman di atas menunjukkan bentuk yang bervariasi sesuai kala yang berlaku. Demikian juga pada ayat pasif yang menggunakan kata kerja modal. Yang menjadi ciri utama bentuk pasif bahasa Jerman adalah penggunaan kata bantu *werden* dan kata kerja penuh bentuk ketiga atau bentuk perfek. Ayat pasif ini tidak sesering penggunaan ayat aktif, terutama dalam percakapan seharian sebab ianya memiliki sistem pembinaan ayat yang terlalu rumit sehingga penutur cenderung mengelakkan diri daripada pola-pola ayat sedemikian ini. Untuk menguasai bidang ini, pelajar perlu lebih banyak berlatih, sama ada tulisan mahupun lisan. Pelajar boleh berlatih sendiri membuat ayat sebanyak-banyaknya kemudian dibahagikan kepada sesiapa yang boleh membetulkan jika sekiranya terdapat kesalahan.

## iii. Kata Kerja Transitif

Kata kerja transitif, iaitu salah satu jenis kata yang memerlukan objek. Kata kerja ini sangat aktif

digunakan, sama ada dalam bahasa Indonesia mahupun bahasa Jerman. Secara semantik, makna kata kerja transitif bahasa Indonesia banyak memiliki persamaan dengan bahasa Jerman kecuali sistem pembinaan ayat yang sangat berbeza. Contoh:

## Bahasa Indonesia Bahasa Jerman

- (13) Dia mengerjakan pekerjaan Er macht seine  
 KGN3 mengerjakan pekerjaan KGN3-NOM membuat-KL.KN KGM3-AK  
 rumahnya. Hausaufgabe.  
 rumah-KGM3 pekerjaan rumah  
 'Dia mengerjakan pekerjaan rumahnya'.  
 rumahnya'

## iv. Kata Kerja Intransitif

Kata kerja intransitif merupakan kebalikan daripada kata kerja transitif, iaitu jenis kata kerja perbuatan yang tidak memerlukan objek. Kata kerja ini berlaku pula dalam bahasa Indonesia dan bahasa Jerman. Seperti pada kata kerja transitif, pada kata kerja intransitif juga terdapat banyak persamaan dalam kedua-dua bahasa. Contoh:

## Bahasa Indonesia Bahasa Jerman

- (14) Para penonton bertepuk tangan. Die Zuschauer klatschen.  
 KBIL penonton bertepuk tangan ART.TT.NOM penonton bertepuk tangan  
 'Para penonton bertepuk tangan'. 'Para penonton bertepuk tangan'.

## v. Kata Kerja Refleksif

Kata kerja refleksif merupakan kata kerja perbuatan yang merujuk ke diri subjek atau ke diri pelaku dalam ayat. Jenis kata kerja ini aktif digunakan dalam bahasa Indonesia dan bahasa Jerman. Kata kerja refleksif banyak sekali terdapat dalam kata kerja berpreposisi bahasa Jerman, kata kerja *trennbar* dan *untrennbar* atau dalam kata kerja beraturan dan tidak beraturan. Kata kerja refleksif bahasa Indonesia pada amnya berlaku sama dengan kata refleksif dalam bahasa Jerman, kecuali bahasa Jerman memiliki bentuk refleksif asli (*echte Reflexive*) dan tidak asli (*unechte Reflexive*). Dalam Toshiaki Oya (2010: 228) kata kerja refleksif bahasa Jerman dibahagi kepada tiga bahagian, iaitu kata kerja refleksif yang memiliki hanya satu argumen eksternal, satu argumen internal, dan kata kerja yang memiliki argumen internal dan eksternal sekali gus. Selain itu, perubahan "kes" dalam bentuk refleksif bahasa Jerman mesti disesuaikan dengan subjek, kata kerja, dan kala yang digunakan. Bentuk kata ganti refleksif dapat diperhatikan pada Jadual 1.

Jadual 1. Perubahan kata ganti nama ke bentuk refleksif

	Kata Ganti Nama			Kata Ganti Refleksif	
	Nominatif	Akusatif	Datif	Akusatif	Datif
Orang I Tunggal	ich 'saya'	mich	mir	mich	mir
Jamak	Wir 'kami/kita'	uns	uns	uns	uns
Orang II Tunggal	du 'kamu'	dich	dir	dich	dir
Jamak	Sie 'anda'	Sie	Ihnen	Sich	sich
Orang III Tunggal	ihr 'kalian'	euch	euch	euch	euc
Jamak	Sie 'mereka'	Sie	Ihnen	Sich	sich
Orang III Tunggal	er 'dia (lk)'	ihn	ihm	sich	sich
Jamak	es 'ia (benda)'	es	ihm	sich	sich
Jamak	sie 'dia (pr)'	sie	ihr	sich	sich
Jamak	sie 'mereka'	sie	ihnen	sich	sich

Berdasarkan Jadual 1, dapat difahami bahawa kata ganti nama orang pertama (tunggal dan jamak), dan orang kedua tunggal (*du* 'kamu') dan jamak (*ihr* 'kalian') tidak ada perbezaan antara kes akusatif dan datif dengan bentuk kata ganti refleksif. Tetapi, pada kata ganti nama orang kedua tunggal (*Sie* 'anda') dan jamak (*sie* 'mereka') dan orang ketiga tunggal dan jamak memiliki bentuk kata ganti refleksif yang sama iaitu *sich*. Contoh ayat refleksif adalah:

Bahasa Indonesia	Bahasa Jerman
(15) Perkenalkanlah diri Anda Perkenalkan-PART diri anda (sendiri) 'Sila, perkenalkan diri Anda!'	Stellen Sie sich vor! Memperkenalkan-KL.KN KGN2.NOM P.REF KKTR 'Sila, perkenalkan diri Anda!'

vi. Kata Kerja Resiprokal

Kata kerja resiprokal merupakan kata kerja yang merujuk pada suatu perbuatan yang dilakukan oleh dua pelaku secara saling berbalasan. Secara am, kata kerja resiprokal bahasa Indonesia dan bahasa Jerman adalah sama. Namun, kata kerja resiprokal bahasa Jerman selalu disertai kata ganti nama refleksif (*sich*, *mich*, *dich* dan sebagainya) atau *einander/miteinander* 'saling/dengan yang lain', misalnya:

Bahasa Jerman	Bahasa Indonesia
<i>sich/einander begrüßen</i>	'saling mengucapkan salam/bersalam-salaman'
<i>sich/einander helfen</i>	'saling menolong/bertolong-tolongan'
<i>sich (miteinander) vertragen</i>	'hidup rukun dengan sesama/saling rukun'
<i>sich (miteinander) verbrüderern</i>	'mengikat tali persaudaraan dengan sesama'

Wujudnya penyertaan kata ganti nama refleksif pada ayat yang menggunakan kata kerja resiprokal menyebabkan orang sering susah membezakan antara kata kerja refleksif dan kata kerja resiprokal. Perhatikan contoh berikut:

Ayat aktif

- (16) Der ART.TT.NOM Lehre guru **ärgert** die ART.TT.AK Schüler. pelajar.  
'Guru itu memarahi pelajar'.
- (17) Wir KGN1.J **helfen** den ART.TT.DAT Kindern. kanak-kanak.  
'Kami menolong kanak-kanak itu'.
- (18) Sie KGN2.J **hassen** ihre KGM2.AK Nachbarn. jiran.  
'Mereka membenci jirannya'.

Refleksif

- (19) Der ART.TT.NOM Lehrer guru **ärgert** sich. marah. P.PREF.  
'Guru itu (sendiri) marah'.
- (20) Wir KGN1.J **helfen** uns. menolong. P.PREF.  
'Kami menolong diri kami sendiri'.
- (21) Sie KGN2.J **hassen** sich. membenci. P.PREF.  
'Mereka (sendiri) benci'.

Resiprokal

- (22) Sie ART.TT.NOM **ärgern** sich (miteinander). marah. P.PREF.  
'Mereka saling memarahi'.
- (23) Wir KGN1.J **helfen** uns (miteinander). menolong. P.PREF.  
'Kami saling menolong'.
- (24) Sie KGN2.J **hassen** sich (miteinander). membenci. P.PREF.  
'Mereka saling membenci'.

Contoh-contoh kata kerja resiprokal dalam bahasa Jerman di atas tampak tiada perbezaan dengan bahasa Indonesia, walaupun bahasa Indonesia memiliki berbagai-bagai bentuk pengungkapan tetapi maknanya tetap sama. Kata *miteinander/einander* pada contoh di atas dimaksudkan untuk menegaskan makna 'saling' atau 'satu sama lain/dengan yang lain'.

vii. Kata Kerja Duratif

Kata kerja duratif, ialah kata kerja yang merujuk pada suatu perbuatan yang dilakukan tanpa ada pengungkapan had dan urutan masa, bila situasi tersebut berlaku. Kata kerja duratif berlaku sama dalam bahasa Indonesia dan bahasa Jerman, misalnya perkataan:

- arbeiten* 'bekerja'
- blühen* 'mekar'
- essen* 'makan'
- schneiden* 'memotong'
- gehen* 'berjalan'
- fernsehen* 'menonton televisyen'
- lernen* 'belajar'
- musikhören* 'mendengarkan muzik'
- schlafen* 'tidur'
- kartenspielen* 'bermain kad'

Contoh ayat:

Bahasa Indonesia			Bahasa Jerman		
(25)	Bunga itu mekar Bunga K.PNJ.TT mekar di taman. di taman 'Bunga itu berkembang mekar di (dalam) taman'.	Die Blumen blühen ART.TT.NOM bunga mekar-KL.KN im Garten. di-DAT kebun 'Bunga itu berkembang mekar di (dalam) taman'.			
(26)	Anak itu tidur Anak K.PNJ.TT tidur di sofa. Di sofa 'Anak itu tidur di (atas) sofa'.	Das Kind schläft ART.TT.NOM anak tidur auf dem Sofa. di atas ATR.TT.DAT sofa 'Anak itu tidur di (atas) sofa'.			

Kata kerja duratif/ imperfektif dalam bahasa Jerman dapat dibahagi menjadi tiga bahagian, iaitu:

- *Iterative Verben/ frequentative Verben* 'kata kerja Iteratif/ Frekuentif'

Kata kerja iteratif atau frekuentif iaitu jenis kata kerja yang merujuk pada perbuatan yang dilakukan secara berulang-ulang. Jenis kata ini berlaku sama dalam bahasa Indonesia, contoh:

Bahasa Indonesia			Bahasa Jerman		
(27)	Bendera Indonesia berkibar- Bendera Indonesia berkibar- tertiup angin. kibar-K.ULG P.PAS-tiup angin 'Bendera Indonesia berkibar-kibar tertiuip angin'.	Die indonesische Fahnen ART.TT.NOM Indonesia bendera flattern im Wind. berkibar-kibar-KL.KN di dalam-DAT angin 'Bendera Indonesia berkibar-kibar tertiuip angin'.			

Secara semantik, penggunaan preposisi dalam ayat bahasa Jerman dan bahasa Indonesia adalah sama, tetapi jenis preposisi dalam ayat bahasa Jerman menunjukkan makna yang lebih jelas dibandingkan dengan bahasa Indonesia. Hal sedemikian ini dapat dilihat pada beberapa contoh ayat di atas, seperti pada ayat (16), (17), dan (18). Contoh ayat (16) menggunakan preposisi *im* (*in dem*) dan ayat tersebut bererti 'Bunga itu mekar di (dalam) taman'. Taman atau kebun bagi orang Jerman dan Indonesia bermakna sama, iaitu suatu tempat khusus atau sebidang tanah yang ditanami berbagai-bagai bunga atau tanaman. Namun, orang Indonesia kebanyakan menggunakan preposisi "di" sahaja untuk konteks ini kerana dianggap sudah cukup mewakili makna "di dalam". Demikian halnya pada ayat bahasa Jerman (17): Anak itu tidur di atas sofa. Orang Jerman menggunakan preposisi *auf* untuk memperjelas posisi tidur anak itu, yakni di atas permukaan sofa untuk membezakan jika sekiranya anak itu tidur di tempat tidur yang sebenar, maka akan digunakan preposisi *in* 'di dalam' sehingga diertikan di dalam tempat tidur (*im Bett*). Hal ini dipengaruhi oleh bentuk (asli) tempat tidur orang Jerman yang agak dalam dan dilapisi oleh beberapa lembar selimut tebal. Situasi ini berbeza dengan kebiasaan orang Indonesia, yakni menggunakan

tempat tidur yang datar dengan selembat selimut atau bahkan tanpa selimut kerana cuaca selalu panas. Oleh itu, orang Indonesia tidak pernah menyatakan "tidur di dalam tempat tidur", tetapi selalu dikaitkan dengan "tidur di ranjang atau di tempat tidur/ di tilam".

Contoh menarik lainnya dapat pula dilihat pada contoh ayat (27) di atas. Dalam bahasa Jerman, ayat tersebut bererti 'bendera Indonesia berkibar-kibar dalam angin'. Pada pandangan penulis, kemungkinan orang Jerman menggunakan preposisi *im* (*in dem*) dengan fahaman bahawa bendera itu berkibar-kibar di tengah-tengah angin atau dalam lingkaran angin. Sedangkan, bagi orang Indonesia, bendera itu berkibar-kibar disebabkan oleh hembusan/tiupan angin, entah angin itu datangnya dari arah belakang, samping, atau dari bawah sehingga orang Indonesia tidak pernah menyatakan ayat: "Bendera itu berkibar-kibar dalam angin".

- *Intensive Verben* 'Kata Kerja Intensif'

Kata kerja intensif merupakan jenis kata kerja yang mengungkapkan penegasan tindakan atau makna suatu tindakan yang dilakukan secara intensif hingga diperoleh hasil tertentu, contoh:

Bahasa Indonesia			Bahasa Jerman		
(28)	Laki-laki itu minum lelaki K.PNJ.TT minum alkohol terlalu banyak sehingga alkohol terlalu K.BIL sehingga tidak dapat berfikir dengan baik. tidak ASP berfikir dengan baik 'Lelaki itu minum alkohol terlalu banyak sehingga dia tidak dapat berfikir dengan baik'.	Der Mann säuft, ART.TT.NOM lelaki minum alkohol so dass er nicht gut sehingga KGN3.NOM tidak baik denken kann. berfikir-INF dapat 'Lelaki itu minum alkohol terlalu banyak sehingga dia tidak dapat berfikir dengan baik'.			

- *Diminutive Verben* 'kata Kerja Diminutif'

Kata kerja diminutif, ialah satu jenis kata kerja yang merujuk pada suatu perbuatan yang dilakukan dengan tidak menyeluruh atau hanya sebahagiannya sahaja, misalnya perkataan *lächeln* 'tersenyum simpul' atau *hüsteln* 'mendehem'. Kata kerja sedemikian ini juga berlaku dalam bahasa Indonesia. Contoh ayat:

Bahasa Indonesia			Bahasa Jerman		
(29)	Gadis itu tersenyum Gadis K.PNJ.TT tersenyum simpul ketika melihat saya. simpul ketika melihat KGN1 'Gadis itu tersenyum simpul ketika melihat saya'.	Das Mädchen lächelt ART.TT.NOM gadis tersenyum zärtlich als es lembut ketika KGN3.NOM mich sah. KGN1.AK melihat-KL.LP 'Gadis itu tersenyum simpul ketika melihat saya'.			

### Kata Kerja Keadaan (Statif)

Kata kerja keadaan merupakan kata kerja yang menyatakan keadaan suatu benda atau hal. Kata

kerja keadaan dalam bahasa Indonesia dibezakan kepada dua hal, iaitu kata kerja monomorfemik, seperti *rusak*, *hilang*, *hancur* dan lain-lain dan kata kerja polimorfemik, seperti *terbuka*, *tertutup*, *terbelah* dan lain-lain. Berdasarkan contoh-contoh kata kerja keadaan tersebut, tampaknya perkataan tersebut berlaku pula dalam bahasa Jerman kerana perkataan sedemikian itu memiliki makna yang sama dengan bahasa Jerman.

- kaput* ‘rosak
- geöffnet* ‘terbuka’
- verloren* ‘hilang’
- geschlossen* ‘tertutup’
- zerstören* ‘hancur’
- zerbrechen* ‘patah’

### Kata Kerja Proses

Kata kerja proses iaitu kata kerja yang mengungkapkan adanya suatu perubahan daripada satu keadaan ke keadaan lain atau kata kerja yang menunjukkan terjadinya satu proses. Kata kerja sedemikian ini dapat disejajarkan dengan kata kerja perfektif (*perfective Verben*) dalam bahasa Jerman, yang dapat dibahagi kepada beberapa bahagian, iaitu:

#### i. *Ingressive oder Inchoative Verben* ‘Kata Kerja Ingresif atau Inkoatif’

Kata kerja ingresif atau inkoatif merujuk pada suatu situasi yang memberi penegasan pada permulaan keberlangsungan suatu keadaan. Contoh perkataan yang termasuk kata kerja ingresif atau inkoatif adalah:

- aufblühen* ‘mulai mekar/mengembang
- einschlafen* ‘mulai tidur’
- weggehen* ‘pergi’

Contoh ayat:

	Bahasa Indonesia	Bahasa Jerman
(30)	Anak itu <b>mulai tidur</b> Anak K.PNJ.TT mulai tidur di sofa. di sofa ‘Anak itu mulai tidur di (atas) sofa’.	Das Kind <b>schläft</b> ART.TT.NOM anak mulai tidur auf dem Sofa <b>ein</b> . di atas ART.TT.DAT sofa KKTR ‘Anak itu mulai tidur di (atas) sofa’.
(31)	Bunga-bunga itu <b>mulai mekar</b> Bunga-J K.PNJ.TT <b>mulai mekar</b> di taman. mulai mekar di taman ‘Bunga-bunga itu mulai berkembang mekar di (dalam) taman’.	Die Blumen <b>blühen</b> ART.TT.NOM bunga-J mulai mekar im Garten <b>auf</b> . di dalam-DAT taman KKTR ‘Bunga-bunga itu mulai berkembang mekar di (dalam) taman’.

Ayat di atas diungkapkan dengan menggunakan kata kerja ingresif atau inkoatif *einschlafen* dan *aufblühen* yang menggambarkan proses anak itu sebelum tidur hingga tidur dan proses

mengembangnya bunga-bunga di taman yang bermula daripada keadaan yang masih kuncup kemudian perlahan-lahan mulai berkembang mekar dan mengembang. Contoh-contoh ayat di atas tampak memiliki persejajaran makna dalam kedua-dua bahasa. Namun dalam bahasa Indonesia, untuk menegaskan perkataan tersebut digunakan kata *mulai* (frasa kata kerja) pada sesetengah kata kerja, sedangkan dalam bahasa Jerman hanya menggunakan satu kata, seperti pada contoh di atas.

#### ii. *Ergressive/Resultative Verben* ‘Kata Kerja Ergresif atau Resultatif’

Kata kerja ergresif atau resultatif iaitu kerja yang menggambarkan suatu situasi yang memberi penegasan atau penekanan pada fasa akhir satu situasi. Dengan kata lain, kata kerja ergresif atau resultatif dapat menggambarkan ketercapaian maksud atau sasaran. Dengan demikian, kata kerja ergresif atau resultatif merupakan kebalikan daripada kata kerja ingresif. Contoh kata:

- verblühen* ‘menjadi layu (bunga)
- verblöden* ‘menjadi dungu’
- austrinken* ‘minum hingga habis’
- durchqueren* ‘menyeberangi’
- zerreißen* ‘mengoyak’

Contoh ayat:

	Bahasa Indonesia	Bahasa Jerman
(32)	Sekarang bunga-bunga sekarang bunga-J itu telah <b>menjadi layu</b> . K.PNJ.TT P.KL.LP menjadi layu ‘Sekarang bunga-bunga itu telah menjadi layu’	Jetzt sind die sekarang KBt.PERF ART.TT.NOM Blumen <b>verblüht</b> . bunga-J menjadi layu-PERF ‘Sekarang bunga-bunga itu telah menjadi layu’.

Contoh ayat di atas dapat dibandingkan dengan contoh ayat ingresif sebelumnya:

	Bahasa Indonesia	Bahasa Jerman
(32a)	Bunga-bunga itu <b>mulai mekar</b> Bunga-J K.PNJ.TT <b>mulai mekar</b> di taman. mulai mekar di taman. ‘Bunga-bunga itu mulai berkembang mekar di taman’.	Die Blumen <b>blühen</b> ART.TT.NOM bunga-J mulai mekar im Garten <b>auf</b> . di dalam-DAT taman KKTR ‘Bunga-bunga itu mulai berkembang mekar di taman’.

Ayat (32) di atas diungkapkan dengan menggunakan kata kerja *verblühen* yang menggambarkan suatu proses daripada mekarnya bunga hingga menjadi layu kembali. Sedangkan pada ayat (32a) penekanan pada fasa awal yang menggambarkan proses mekarnya bunga yang tadinya masih berupa kuncup hingga ke keadaan yang mulai mekar dengan indah yang dapat diungkapkan dengan satu kata sahaja iaitu *aufblühen* ‘mekar’.

iii. *Mutative Verben* ‘Kata Kerja Mutatif’

Kata kerja mutatif ialah kata kerja yang menunjukkan peralihan dari satu keadaan ke keadaan lain. Beberapa contoh kata kerja mutatif seperti:

*reifen* ‘matang’  
*rosten* ‘berkarat’

Contoh ayat:

Bahasa Indonesia	Bahasa Jerman
(33) Kursi-kursi besi Kursi-J besi itu telah berkarat. K.PNJ.TT P.KL.LP berkarat ‘Kursi-kursi besi itu telah berkarat’.	Die Eisenstühle <b>rosteten</b> . ART.TT.NOM kerusi besi berkarat-KL.LP ‘Kursi-kursi besi itu telah berkarat’.
(34) Mangga-mangga itu Mangga-J K.PNJ.TT telah masak. P.KL.LP masak ‘Mangga-mangga itu telah masak’.	Die Mangonen <b>reiffen</b> . ART.TT.NOM mangga-J masak-KL.LP ‘Mangga-mangga itu telah masak’.

Ayat (33) bahasa Jerman di atas diungkapkan dengan menggunakan kata kerja *rosteten* yang menggambarkan situasi dari keadaan kerusi yang sebelumnya tidak berkarat dan akhirnya telah berkarat. Pada ayat (34) digunakan kata *reiffen* yang menunjukkan peralihan dari buah mangga yang tadinya masih muda hingga telah masak. Pada makna kata kerja proses jenis ini tampak bahasa Indonesia dan bahasa Jerman tiada perbezaan.

iv. *Kausative oder Faktitive Verben* ‘Kata Kerja Kausatif atau Faktitif’

Kata kerja kausatif atau faktitif iaitu kata kerja yang menyebabkan suatu keadaan atau situasi yang baru.

Contoh:

*öffnen* ‘membuka’  
*biegen* ‘membengkokkan/melengkungkan’  
*schärfen* ‘menajamkan’  
*tränken* ‘memberi minum (binatang)’

Contoh ayat:

Bahasa Indonesia	Bahasa Jerman
(35) Ayah menajamkan pisau. Ayah menajamkan pisau ‘Ayah menajamkan pisau’.	Der Vater <b>schärft</b> ART.TT.NOM ayah menajamkan-KL.KN das Messer. ART.TT.AK pisau ‘Ayah menajamkan pisau’.

Pada ayat di atas, kata kerja *schärfen* menggambarkan keadaan pisau yang tadinya tumpul berubah menjadi tajam. Dari contoh tersebut, tampak bahawa penggunaan kata kerja kausatif atau faktitif berlaku sama dalam kedua-dua bahasa.

Selain daripada ketiga-tiga jenis aspek semantik yang diuraikan di atas, sesetengah ahli linguistik menambahkan satu lagi aspek dalam proses semantik

kata kerja iaitu kata kerja pengalaman. Kata kerja pengalaman iaitu kata kerja yang merujuk pada satu peristiwa atau kejadian yang dialami sendiri oleh subjek, misalnya perkataan:

mendengar	meraba
melihat	merasa
menyadari	lupa
menguping	tahu
mengamati	ingat

Contoh ayat:

Bahasa Indonesia	Bahasa Jerman
(36) Kemarin saya telah KGN3 baru tahu bahawa <b>melihat</b> anaknya di melihat anak-KGM3 di kampus	Gestern habe ich Semalam Kbt.PERF KGN1.NOM sein Kind in der Uni KGM3.AK anak di ART.TT.DAT kampus Gesehen. melihat-PERF ‘Semalam saya telah melihat anaknya di kampus’.
(37) Dia baru <b>tahu</b> bahwa KGN3 baru tahu bahawa saya adalah tantanya. KGN1 ASP makcik-KGM3 ‘Dia baru tahu bahawa saya ialah makcikny’.	Sie weisst gerade, KGN3.NOM mengetahui-KL.KN baru sahaja dass ich ihre bahawa KGN1.NOM KGM3.AK Tante ist. tante Kbt. ‘Dia baru tahu bahawa saya ialah makcikny’

Berdasarkan contoh di atas, tampak bahawa kata kerja pengalaman berlaku dalam bahasa Indonesia dan bahasa Jerman dan hal ini dapat membantu pelajar, khususnya pelajar Indonesia mempelajari bahasa Jerman atau sebaliknya, pelajar Jerman yang mempelajari bahasa Indonesia.

Secara semantik, bahasa Jerman termasuk bahasa yang bersifat leksikologis, yakni bahasa yang masih cenderung menggunakan kata-kata konvensional, di samping menggunakan kata antarabangsanya, misalnya yang banyak terdapat dalam penggunaan kata majmuk, seperti berikut:

<i>Der Schlittschuh:</i>	<i>schlitt</i> ‘luncur’	<i>Schuh</i> ‘kasut’	‘kasut ski’
<i>Der handschuh:</i>	<i>Hand</i> ‘tangan’	<i>Schuh</i> ‘sarung’	‘sarung tangan’
<i>Erdteil:</i>	<i>Erd</i> ‘bumi’	<i>teil</i> ‘bahagian’	‘bahagian bumi/benua’
<i>Sprachwissenschaft:</i>	<i>Sprach</i> ‘bahasa’	<i>Wissenschaft</i>	‘pengetahuan/ilmu’ ‘ilmu bahasa/linguistik’
<i>Lautlehre:</i>	<i>Laut</i> ‘bunyi’	<i>Lehre</i> ‘ilmu’	‘ilmu bunyi/fonetik’
<i>Bedeutungslehre:</i>	<i>Bedeutung</i> ‘makna’	<i>Lehre</i> ‘ilmu’	‘ilmu makna/semantik’

Sesetengah orang Jerman tampaknya masih lebih suka menggunakan kosakata asli daripada istilah antarabangsanya, berbeza dengan orang Indonesia yang lebih suka dan lebih cepat menggunakan istilah antarabangsa. Dalam bahasa Jerman misalnya kata *tele* dari bahasa Yunani yang bermakna ‘jauh’ digunakan kata *Fern*, sehingga untuk kata *televiisyen* digunakan kata *Fernsehen* ‘melihat jauh’, *Fernrohr* ‘teropong jauh’ untuk kata teleskop dan *Fernsprecher* ‘berbicara jauh’ untuk kata telepon, tetapi untuk bentuk verba digunakan satu kata sahaja



iaitu *telefonieren* ‘menelepon’. Dalam bahasa Indonesia lazimnya digunakan kata “televisi” (TV), “teropong” (teleskop), dan “telepon”. Bahasa Jerman membezakan kata “pergi dengan berjalan kaki” *gehen*, “pergi dengan kereta” *trein*, “motosikal/mobil/bas” *fahren*, “pergi dengan naik kuda” *reiten*, “pergi dengan kapal terbang” *fliegen*. Demikian juga untuk kata duduk yang bermakna mendudukkan digunakan kata *setzen* (akusatif) dan yang bermakna telah duduk *sitzen* (datif). Untuk lebih jelasnya dapat dilihat pada kata-kata berikut:

Bahasa Jerman		Bahasa Indonesia	
Akkusative	Dative	Proses	Posisi
<i>setzen</i>	<i>sitzen</i>	mendudukkan	duduk
<i>stellen</i>	<i>stehen</i>	memasukkan	masuk
<i>stecken</i>	<i>stecken</i>	memberdirikan	berdiri
<i>legen</i>	<i>liegen</i>	meletakkan	terletak
<i>hängen</i>	<i>hängen</i>	menggantung	tergantung

Contoh ayat:

(38) Ich            **setze**            **mich**            **auf**            **den**            Stuhl.  
 KGN1.NOM    mendudukkan    KGN1.REF    di atas        ART.TT.AK    kerusi  
 ‘Saya duduk di kerusi’. (Proses)

(39) Jetzt            **sitze**            **ich**            **auf**            **dem**            Stuhl.  
 Sekarang      duduk-KL.KN    saya          di atas        ART.TT.DAT    kerusi  
 ‘Sekarang saya telah duduk di kerusi’. (Posisi)

## KESIMPULAN

Proses semantik kata kerja bahasa Indonesia dan bahasa Jerman memiliki makna: (1) perbuatan/aksi (*Tätigkeitsverben*), (2) proses (*Vorgangsverben*), (3) keadaan (*Zustandverben*), dan (4) pengalaman. Dari hasil dapatan tersebut, tampak kedua-dua bahasa ternyata memiliki makna inheren kata kerja yang sama. Hal tersebut dapat memudahkan pelajar dalam memahami proses semantik dalam kedua-dua bahasa. Namun, pelajar akan mengalami kesulitan, khususnya pelajar Indonesia ketika membina ayat-ayat bahasa Jerman. Hal ini disebabkan oleh banyaknya aspek yang mesti diperhatikan dalam proses pembinaan ayat bahasa Jerman, seperti bentuk kata kerja (*trennbar*, *untrennbar*, *trennbar-untrennbar*), konjugasi kata kerja, sama ada kata kerja beraturan (*regelmäßige Verben*) mahupun tidak beraturan (*unregelmäßige Verben*), konjugasi kata kerja berdasarkan kala, dan penggunaan kata kerja sesuai “kes” (nominatif, akusatif, datif, dan genitif) yang tidak ditemukan dalam bahasa Indonesia. Oleh itu, nahu bahasa Jerman sedemikian hendaknya dikuasai oleh pelajar, khususnya pelajar Indonesia untuk terampil menggunakan bahasa Jerman.

## KETERANGAN SINGKATAN

ART	:	ARTIKEL
ASP	:	ASPEK
AK	:	AKUSATIF
DAT	:	DATIF
J	:	JAMAK
INF	:	INFINITIF
NOM	:	NOMINATIF
PART	:	PARTIKEL
P.PERF	:	PENANDA PERFEK
P.PAS	:	PENANDA PASIF
P.REF	:	PENANDA REFLEKSIF
KGN1	:	KATA GANTI NAMA ORANG I
KGM3	:	KATA GANTI MILIK ORANG III
KL.KN	:	KALA KINI
KL.LP	:	KALA LEPAS
KBt.	:	KATA BANTU
KPNJ	:	KATA PENUNJUK
KKTR	:	KATA KERJA TRENNBAR
KULG	:	KATA ULANG
TT	:	TERTENTU
TD	:	TIDAK

## RUJUKAN

- Crystal, D. 2008. *A Dictionary of Linguistics and Phonetics*. Sixth Edition. Massachusetts: Blackwell Publishers.
- Departemen Pendidikan Nasional RI. 2008. *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Duden. 1984. *Die Grammatik der Deutschen Gegenwartssprache*. Auflage Mannheim: Bibliografisches Institut.
- Eppert, Franz. 1993. *Grammatik Lernen und Verstehen. Ein Grundkurs für Lerner der deutschen Sprache*. Ernst Klett Verlag GmbH u.Co. KG, Stuttgart.
- Götz, Dieter, Haensch, Günther & Wellmann, Hans. 1997. *Langenscheidts Großwörterbuch, Deutsch als Fremdsprache*. Berlin: Langenscheidt.
- Gross, H. 1998. *Einführung in die Germanistische Linguistik*. München: Iudicium Verlag.
- Helbig, Gerhard & Buscha, Joachim. 2001. *Deutsche Grammatik. Ein Handbuch für den Ausländerunterricht*. Berlin: Langenscheidt KG.
- Heuken, S.J., Adolf. 2007. *Kamus Jerman Indonesia*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama
- Hidayat, Edy. 2008. Argumen dalam Bahasa Jerman dan peran yang disandangnya. *Jurnal Bahasa dan Seni* 36(1): 32-40.
- Hoffman, Th.R. 1993. *Realism of Meaning. An Introduction to Semantics*. New York: Longman Publishing.
- Leech, G. 2003. *Semantik*. Penerjemah: Paina Partama. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Murphy, M. Lynne & Koskela, Anu. 2010. *Key Terms in Semantics*. Chennai, India. Typeset by Newgen Imaging System Pvt Ltd.
- Pateda, Mansoer. 2001. *Semantik Leksikal*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Pörings, Ralf & Schmitz, Ulrich. 2003. *Sprache und Sprachwissenschaft. Eine Kognitiv Orientierte Einführung*. Books.google.com.my/books/isbn: 3823360361.

Toshiaki, Oya. 2010. Three types of reflexive verbs in German.  
*Journal Linguistics (an Interdisciplinary Journal of the  
Language Sciences)* 48(1-3):227-257.

*Hasmawati*

*Pelajar Ph.D.*

*Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.*

E-mail 1: [haswa13@yahoo.com](mailto:haswa13@yahoo.com)

2: [haswaukm2013@gmail.com](mailto:haswaukm2013@gmail.com)

*Teo Kok Seong, Ph.D.*

*Felo Penyelidik Utama*

*Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*43600 UKM, Bangi, Selangor; MALAYSIA.*

E-mail: [teokok@ukm.my](mailto:teokok@ukm.my)

*Chong Shin, Ph.D.*

*Felo Penyelidik Kanan*

*Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*43600 UKM, Bangi, Selangor; MALAYSIA.*

E-mail: [chongshin2002@yahoo.com](mailto:chongshin2002@yahoo.com)